KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21.03.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JMG			

Lokasi paling kritikal di Cameron Highland, Lipis dan Bentong

327 runtuhan cerun runtuh dibaiki

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

YAN – Sejumlah 327 runtuhan cerun dikenal pasti Kementerian Kerja Raya di seluruh negara kini dalam proses pembaikan dengan peruntukan sebanyak RM400 juta.

Menurut Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, antara lokasi paling kritikal yang dalam pembaikan ialah Pahang di Cameron Highland, Lipis dan Bentong, Perak (Simpang Pulai) dan Negeri Sembilan (Kuala Klawang dan Genting Peras).

"Daripada 327 runtuhan cerun itu sebanyak 121 lokasi kini sedang dibuat pembaikan. Cerun ini ada perancangan mengikut skala keseriusan runtuhan kerana ada yang besar, sederhana manakala runtuhan berskala kecil sudah siap.

"Runtuhan yang besar akan mengambil masa untuk selesai pembaikannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas meninjau lokasi pembaikan cerun di Jalan Gunung Jerai, Gurun dekat sini semalam pasca banjir besar Ogos tahun lepas.

Menyentuh tentang pembaikan cerun di Gunung Jerai itu, kata beliau, ia dijangka siap sepenuhnya menjelang April ini.

"Pasca banjir besar itu di Gunung Jerai ini terdapat tujuh runtuhan di mana sebahagian besar daripadanya sudah siap.



FADILAH YUSOF (dua dari kiri) meninjau kerja-kerja pembaikan cerun di Jalan Gunung Jerai, Gurun di Jerai semalam.

"Harapan besar daripada kerajaan negeri supaya projek ini disiapkan seawal mungkin supaya jalan Gunung Jerai ini dibuka semula untuk pelancong datang. Insya-Allah Mei ini jalan Gunung Jerai akan dibuka untuk semua.

"Kerja pembaikan agak kompleks kerana bukan sekadar baiki cerun tetapi sebahagiannya kita pasang jaring untuk lindungi jalan," katanya.

Tambah beliau, lokasi pembaikan cerun itu selain Gunung Jerai turut melibatkan di laluan K1 Jalan Kuala Kedah, Yan, Singkir dan Kampung Badong.

"Terdapat 10 lokasi pembaikan cerun di kedua-dua lokasi berkenaan, dengan tujuh lokasi siap kerja pembaikan sepenuhnya, manakala tiga lagi lokasi masih dalam proses pembaikan," katanya.

Ujarnya, kos keseluruhan pembaikan kawasan cerun berkenaan adalah RM15 juta.

"Kita juga mengenal pasti runtuhan yang baharu di Kedah dan sejumlah RM6 juta diperuntukkan untuk pembaikannya," tambahnya.